

IMPLIKASI PUTUSAN HAKIM DIKAJI

KUALA LUMPUR 30 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji implikasi perbezaan yang terdapat di dalam keputusan lisan dan bertulis dalam kes Mahkamah Tinggi di sini mengisytiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan haram.

Perdana Menteri menegaskan, kajian ini penting supaya rakyat tidak meragui keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah dan untuk mengembalikan keyakinan mereka terhadap institusi kehakiman di negara ini.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan hampir 2,000 pegawai penerangan dan penyiaran di sini hari ini, beliau berpendapat, sekiranya berlaku perbezaan antara keputusan lisan dan bertulis, adalah sukar bagi orang ramai untuk dipercayai keputusan yang dibuat oleh sesebuah mahkamah.

Ini, ujar beliau, merupakan satu fenomena baru yang sebelum ini jarang sekali terdapat dalam sistem kehakiman

negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun tidak menyebut apakah perbezaan antara keputusan bertulis dan lisan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi di sini.

Mengenai pertemuan tertutup selama hampir tiga jam itu, beliau menjelaskan, ia hanya untuk menerangkan keadaan semasa yang berlaku di negara ini.

"Terdapat banyak kenyataan daripada pihak - pihak tertentu yang sering dikelirukan dan kita menggunakan pertemuan ini untuk menjelaskan gambaran sebenar supaya pegawai - pegawai penerangan dapat memberi penjelasan yang lebih tepat kepada kumpulan sasar," katanya.

Ditanya apakah kekeliruan yang dicetuskan oleh kumpulan - kumpulan tersebut, beliau berkata, mereka mendakwa kononnya UMNO (lama) cuma 'pengsan' dan boleh dihidupkan semula.

"Kumpulan ini juga menyatakan kononnya jika mereka menjadi ahli UMNO (baru) mereka akan kehilangan \$7,000 yang dimiliki hasil harta kepunyaan parti," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, sebenarnya ibu pejabat UMNO (lama) menanggung hutang dan kalau ahli - ahli parti mahu mendapatkan satu sen pun mereka tidak boleh mendapat demikian

Sebaliknya, tegas beliau, ahli - ahli UMNO terpaksa pula membayar balik hutang - hutang yang ditanggung ketika membina ibu pejabat.

Mengenai perpaduan bangsa Melayu, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO (baru) berkata, "kita telah menyatakan sejak awal - awal lagi bahawa jika berlaku pertandingan dalam parti, akan berlaku perpecahan."

"Sekarang ini telah nyata perpecahan berlaku malah usaha masih berterusan untuk memecah - belahkan perpaduan bangsa Melayu," katanya.

Ditanya adakah perpecahan di kalangan bangsa Melayu sampai ke tahap membimbangkan, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, ia tidak begitu 'tenat' kerana majoriti ahli UMNO menyokong kepimpinan yang ada sekarang.

Bagaimanapun, beliau berpendapat, jika diadakan pilihanraya, khususnya di kawasan UMNO menang dengan majoriti yang sedikit, seperti di Kelantan, parti mungkin akan tewas kerana perpecahan ini.

Mengenai khabar - khabar angin pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi, secara berseloroh beliau berkata, "benarlah, suruh mereka (penyampai khabar angin) bekerja lebih kuat."

Semasa ditanya mengenai anggota Parlimen yang ingin menjadi anggota bebas Perdana Menteri berpendapat bahawa orang yang terlibat tidak lagi menjadi anggota UMNO.